



MASS RAPID TRANSIT CORPORATION SDN BHD (No. Syarikat : 902884V)
 (Sebuah Syarikat Milik Penuh Menteri Kewangan Diperbadankan)

KENYATAAN TENDER

Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd ("MRT Corp.") adalah sebuah syarikat milik penuh kerajaan Malaysia yang ditubuhkan oleh Kementerian Kewangan bagi memudah, melaksana dan mempercepatkan projek infrastruktur pengangkutan awam yang telah diluluskan oleh kerajaan. Kerajaan Malaysia telah melantik MRT Corp. sebagai Pemilik MRT dan MMC-Gamuda KVMRT (PDP) Sdn Bhd sebagai Project Delivery Partner ("PDP") yang bertanggungjawab melaksana dan menyiapkan sistem MRT yang dikenali sebagai "PROJEK MASS RAPID TRANSIT LEMBAH KELANG: JAJARAN SUNGAI BULOH – KAJANG (KVMRT-SBK)". Projek KVMRT-SBK akan melibatkan pembinaan rangkaian rel transit bandar yang akan menjadi tulang belakang kepada sistem pengangkutan awam Lembah Klang bagi memenuhi keperluan Rakyat. Sistem pengangkutan awam bersepadu ini akan menjadikan Kuala Lumpur sebagai bandaraya bertaraf dunia di samping menjana ekonomi dan meningkatkan produktiviti Rakyat.

Tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berdaftar untuk menjalankan kerja-kerja seperti berikut:

TAJUK TENDER & NO. TENDER	SYARAT TENDER		TAKLIMAT TENDER MANDATORI
	KONTRAKTOR TEMPATAN	SYARIKAT ANTARABANGSA	
<p>"DESIGN, MANUFACTURE, DELIVER, INTEGRATE, TEST, COMMISSION AND WARRANTY OF MRT FEEDER BUS SYSTEM"</p> <p>MRTCORP/ KVMRT-SBK/ SW(B)/19/101/2015</p>	<p>A) Kementerian Kewangan Malaysia Kod bidang : 210102; 210103; 210105; 210108 dan / atau 210199</p> <p>DAN</p> <p>B) Merupakan pengeluar / pembekal perkakasan "Bus Integrated System (BIS)" yang berpengalaman</p>	<p>a) Memiliki sijil ISO 9001 - 2000 atau piawaian pengurusan kualiti setaraf</p> <p>DAN</p> <p>b) Merupakan pengeluar / pembekal perkakasan "Bus Integrated System (BIS)" yang berpengalaman</p> <p>Salinan Sijil Penubuhan Syarikat yang disahkan oleh pihak berkuasa di negara asal</p>	<p>Tarikh : Selasa, 23 Jun 2015</p> <p>Masa : 10.00 – 11.00 pagi</p> <p>Tempat : Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd, Perak Auditorium, Level 7, Menara I & P 1, No. 46, Jalan Dungun, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur, Malaysia.</p> <p>Nota: Pemohon perlu mendaftar pada jam 9.00 pagi sehingga 10.00 pagi.</p> <p>Wakil-wakil dari Penender yang berminat mestilah kakitangan utama yang berkelayakan dan berpengetahuan di dalam bidang tender dan kontrak untuk kerja-kerja di atas serta diberi kuasa oleh syarikat.</p>

Dokumen Tender boleh dibeli mulai **23 Jun 2015 (selepas taklimat tender)** sehingga **30 Jun 2015** dari:

TEMPAT PENJUALAN DAN PENYERAHAN DOKUMEN TENDER	WAKTU PENJUALAN DOKUMEN TENDER
<p>Jabatan Perolehan Tingkat 6, Menara I & P 1, No. 46, Jalan Dungun, Bukit Damansara, 50490 Kuala Lumpur, Malaysia.</p>	<p>Isnin hingga Khamis: 9.00 pagi – 12.30 tengahari dan 2.00 petang – 5.00 petang</p> <p>Jumaat: 9.00 pagi - 12.00 tengahari dan 3.00 petang – 5.00 petang</p>

Pembelian Dokumen Tender mestilah disertakan bersama Draf Bank atau 'Banker's Cheque' pada jumlah sebanyak **RM2,120.00 (termasuk 6% GST)** di atas nama **Mass Rapid Transit Corporation Sdn Bhd** dan tidak dikembalikan.

Dokumen Tender yang lengkap diisi hendaklah dihantar dalam sampul surat bermeteri yang ditandakan "DESIGN, MANUFACTURE, DELIVER, INTEGRATE, TEST, COMMISSION AND WARRANTY OF MRT FEEDER BUS SYSTEM". Tajuk mestilah ditulis / dicetak di bahagian atas tengah sampul surat dan dimasukkan ke dalam Peti Tender di **MRT Corp., Bahagian Perolehan tidak lewat dari jam 12.00 tengahari, 23 Julai 2015.**

Selain dari syarat-syarat di atas, Penender **WAJIB** memenuhi Kriteria Mandatori seperti berikut:

KRITERIA MANDATORI	
KEPERLUAN KAPASITI KEWANGAN	PENGALAMAN KERJA
<p>a) Jumlah modal Penender (modal berbayar atau wang tunai ditambah baki kemudahan kredit) mestilah sama atau tidak kurang daripada 5% daripada nilai kerja*</p>	<p>(a) Merupakan Pembekal Utama bagi kerja-kerja "Planning, Scheduling & Dispatch System, Fleet Tracking System (FTS) dan Fare Collection System (FCS)"; dan</p> <p>(b) Berpengalaman lebih daripada lima (5) tahun dalam projek yang sama untuk pemasangan peralatan bas bagi lebih daripada 2000 bas pengantaraan bandar.</p>

Nota:

- Tender adalah dipelawa daripada kontraktor-kontraktor yang berpengalaman serta berdaftar dengan badan pendaftaran yang berkaitan dan di bawah gred dan kategori seperti yang diperincikan dalam jadual di atas. Pendaftaran mestilah masih sah dan dibenarkan untuk mengambil bahagian di dalam tender ini.
- Penender **WAJIB** menghadiri sesi taklimat tender sepertimana yang dijadualkan di atas.
- Dokumen Tender akan dipamerkan dan mula dijual pada tarikh, masa dan tempat yang dinyatakan dalam jadual di atas. Penender boleh meneliti Dokumen Tender sebelum membuat pembelian.
- Dokumen tender hanya akan dijual kepada Penender yang telah menghadiri sesi taklimat tender. MRT Corp. **TIDAK AKAN** melayan sebarang permohonan untuk membeli Dokumen Tender sebelum dan / atau selepas waktu yang telah ditetapkan.
- Penender dibenarkan untuk membentuk satu Usahasama atau Konsortium dengan syarikat tempatan dan syarikat antarabangsa **DENGAN SYARAT** salah satu dari ahlinya mestilah berdaftar dengan Kementerian Kewangan. Setiap usaha sama atau konsortium mestilah tidak melebihi 3 syarikat individu tertakluk kepada syarikat individu tersebut tidak terdiri daripada syarikat Usaha sama atau Konsortium. *Modal Berbayar atau Dana Pemegang Saham bagi syarikat Usahasama / Konsortium akan dikira purata wajar.
- Dokumen Tender ini hanya akan dijual kepada wakil Penender yang sah ("bona fide"). Untuk tujuan tersebut, wakil Penender **WAJIB** mengemukakan **Surat Pengesahan** sebagai wakil berserta sijil-sijil pendaftaran yang 'ASAL' dan **SALINAN YANG DISAHKAN (oleh Setiausaha Syarikat atau Pegawai Kerajaan Kumpulan A)** seperti dinyatakan di atas.
- Kesemua penender mestilah mematuhi kesemua keperluan statutori dan undang-undang termasuklah pindaan yang berkaitan yang dikuatkuasa oleh Kerajaan Malaysia.
- Penender adalah diingatkan bahawa salinan sijil yang diakui sah oleh Pesuruhjaya Sumpah **TIDAK** akan diterima selaras dengan perintah Mahkamah Persekutuan Malaysia [Ruj. (44) dlm JK/MP/53/WP(140/97), 23 Jun 2005].
- Dengan mengeluarkan kenyataan tender ini, MRT Corp tidak terikat dengan apa-apa cara untuk menerima harga tender yang paling rendah atau mana-mana tender.
- Sebarang pertanyaan berhubung dengan Tender ini hendaklah dibuat secara bertulis dan di fakskan ke talian **03-2095 2121** atau e-mel ke **procurement@mymrt.com.my**.

www.mymrt.com.my